

# PM Kuwait ziarah Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 29 Mei - Perdana Menteri Kuwait, Sheikh Nasser al-Mohammed al-Sabah meluangkan masa menziarahi Tun Dr. Mahathir Mohamad di kediaman bekas Perdana Menteri itu di The Mines, Seri Kembangan di sini, hari ini.

Pemimpin itu tiba pada pukul 11.30 pagi dan meluangkan masa kira-kira 20 minit bersama Dr. Mahathir yang ditemani isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali.

Sheikh Nasser al-Moham-

med diiringi oleh Duta Kuwait ke Malaysia, Abdul Hamid Ali al-Failakawi, penasihat kedutaan Kuwait, Abdul-Rahman Salem al-Alfiqi dan Timbalan Pengerusi Dewan Perdagangan dan Industri Kuwait, Badar Mishari al-Mutairi.

Perdana Menteri Kuwait itu berada di negara ini kerana

Um - 30/5/2007  
menghadiri Forum Ekonomi Islam Dunia (WIEF) yang berlangsung selama dua hari di ibu negara bermula semalam.

Dr. Mahathir telah seminggu keluar dari Institut Jantung Negara (IJN) selepas mengadu sesak nafas pada 14 Mei lalu di Langkawi, Kedah.

**SHEIKH Nasser al-Mohamed al-Ahmad al-Sabah semasa menziarahi Dr. Mahathir Mohamad dan Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali di The Mines, Seri Kembangan, Kuala Lumpur, semalam.**

